

D646

U B861 AAB

MAHATHIR - PERANAN (ULANGAN MEMBETULKAN EJAAN +PERANAN+ PADA SLUG) R R R

SATU ANALISIS BERITA BERNAMA OLEH ZAINOOR SULAIMAN

(I)

LONDON, 28 MEI (BERNAMA) -- KEJAYAAN LAWATAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, KE AMERIKA SYARIKAT DAN BRITAIN MEMBUKA DIMENSI BARU DALAM DASAR LUAR MALAYSIA.

RUNDINGAN BELIAU DENGAN PRESIDEN AMERIKA, GEORGE BUSH, DAN PERDANA MENTERI BRITISH, PUAN MARGARET THATCHER, SUNGGUH BERHASIL DAN INI JELAS MEMBAYANGKAN PENGIKTIRAFAN KEDUA-DUA PEMIMPIN DUNIA ITU TERHADAP PERANAN AKTIF MALAYSIA DALAM GELANGGANG POLITIK ANTARABANGSA, KATA PARA PENGANALISIS.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG BERPERANAN SEBAGAI KETUA DIPLOMAT MALAYSIA, MENEGASKAN LAGI BETAPA PERLUNYA DIPERKUKUHKAN LAGI PERANAN BANGSA-BANGSA BERSATU BAGI MENYELESAIKAN PERSENGKETAAN ANTARABANGSA.

MENURUT PARA PENGANALISIS, DIPLOMASI TERBARU YANG DILANCARKAN OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR SESUAI DENGAN KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU, PEMIMPIN KUMPULAN 77 DAN PEJUANG DIALOG SELATAN-SELATAN.

AMERIKA SYARIKAT DAN BRITAIN MERUPAKAN ANGGOTA TETAP MAJLIS KESELAMATAN ITU. -- LAGI

1304MST 28 05 89

D649

U B864 AAB

MAHATHIR - PERANAN 2 LONDON

ISU KAMPUCHEA MENJADI TUMPUAN DALAM PERTEMUAN BELIAU DENGAN PRESIDEN BUSH DI BOSTON DAN PEMIMPIN AMERIKA ITU MENDAPATKAN PANDANGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MENGENAI PERKEMBANGAN DI KAMPUCHEA DAN PERANAN PUTERA NORODOM SIHANOUK UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA SIHANOUK SAHAJALAH TOKOH YANG BOLEH DITERIMA DI KALANGAN PUAK-PUAK KAMPUCHEA YANG BERPERANG.

PRESIDEN BUSH, YANG MENGULANGI SOKONGAN AMERIKA DALAM PENYELESAIAN ISU KAMPUCHEA ITU, MENYAHUT SECARA POSITIF SERUAN BAGI MENDAPATKAN LEBIH BANYAK BANTUAN KEPADA PASUKAN PENENTANG BUKAN KOMUNIS DI KAMPUCHEA BAGI MENGELAKKAN KEMUNGKINAN KHMER ROUGE BERKUASA SEMULA.

BARISAN PEMBEBASAN KEBANGSAAN RAKYAT KHMER (KPNLF) DAN PASUKAN SIHANOUK PERLU DIPERKUKUHKAN BAGI MENGELAKKAN MEREKA +DITELAN+ OLEH KHMER ROUGE, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU MEMANDANG BERAT TERHADAP LAPORAN-LAPORAN BAHAWA SESETENGAH GOLONGAN DI AMERIKA SYARIKAT DAN MENYERU PIHAK PENTADBIRAN AGAR TIDAK MENYOKONG MANA-MANA PIHAK YANG MENYOKONG KHMER ROUGE.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEKALI LAGI BAHAWA PENYELESAIAN TERHADAP ISU KAMPUCHEA ITU HANYA DAPAT DICAPAI DENGAN ADANYA PENYERTAAN SEMUA PIHAK, TERMASUK KHMER ROUGE DAN REJIM HENG SAMARIN, YANG DISOKONG OLEH VIETNAM. -- LAGI

1309MST 28 05 89

D670

U B872 AAB
MAHATHIR - PERANAN 3 LONDON

DI LONDON, PERBINCANGAN DENGAN PUAN THATCHER TERTUMPU KEPADA ISU PALESTIN, KEADAAN DI NAMIBIA DAN PERKARA-PERKARA BERKAITAN DENGAN PERSIDANGAN KEMUNCIAK KOMANWEL DI KUALA LUMPUR BULAN OKTOBER INI, YANG MALAYSIA MENJADI TUAN RUMAH.

PUAN THATCHER MEMBUAT KEPUTUSAN YANG BIJAK APABILA BELIAU MENOLAK PERCUBAAN PERDANA MENTERI ISRAEL, YITZHAK SHAMIR, UNTUK MEMISAHKAN RAKYAT PALESTIN DARI DUNIA LUAR DENGAN HANYA MEMBERI KESANGGUPAN MEMBENARKAN MEREKA MEMERINTAH DI TEBING BARAT TETAPI ENGGAN MENGEMABLIKAN TANAH AIR MEREKA.

PEMIMPIN BRITISH ITU BERSETUJU DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR BAHAWA KEMERDEKAAN TANPA TANAH AIR TIDAK BERMAKNA. BELIAU GEMBIRA DENGAN SOKONGAN BRITAIN TERHADAP PENDIRIAN PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO)

SUNGGUHPUN PLO, SELAKU PERTUBUHAN YANG SAH BAGI RAKYAT PALESTIN TELAH MENERIMA DAN AKUR UNTUK MENDAPATKAN PENYELESAIAN TERHADAP MASALAH SEPERTI YANG DIGARISKAN OLEH BANGSA-BANGSA BERSATU, TEL AVIV TELAH BERBUAT SEBALIKNYA.

MENGENAI ISU NAMIBIA, PUAN THATCHER BERSETUJU DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR TENTANG BETAPA PERLU NYA MEMPERKUKUHKAN PERANAN PASUKAN PENGAMAN DI BARAT DAYA AFRIKA ITU.

SEKIRANYA PERLU, MALAYSIA JUGA SANGGUP MENGHANTAR LEBIH RAMAI ASKAR KE NAMIBIA BAGI MEMBANTU PASUKAN BANGSA-BANGSA BERSATU MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG DAN KEAMANAN. -- LAGI
1351MST 28 05 89

D676

U B874 AAB
MAHATHIR - PERANAN 4 LONDON (ULANGAN MEMBETULKAN NOMBOR +TAKE+)
R R R

MENGHANTAR LEBIH BANYAK ASKAR MUNGKIN MEMBABITKAN LEBIH BANYAK PERBELANJAAN TETAPI IA PERLU UNTUK MEMPASTIKAN PERANAN BANGSA-BANGSA BERSATU ITU BERKESAN.

BELIAU BERKATA KEHADIRAN KIRA-KIRA 60,000 ASKAR AFRIKA SELATAN BERBANDING PASUKAN BANGSA-BANGSA BERSATU SERAMAI 4,500 TELAH MENYEKAT PROSES KEMERDEKAAN NAMIBIA.

KEDUA-DUA PEMIMPIN BERSETUJU BAHAWA MEREKA AKAN MENYALURKAN ISU ITU KEPADA MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU UNTUK PERBINCANGAN DAN TINDAKAN SELANJUTNYA.

MENGENAI ISU DUA HALA, MALAYSIA DAN BRITIAN PADA DASARNYA BERSETUJU MENANDATANGANI SATU PERJANJIAN BAGI MEMBOLEHKAN KEDUA-DUA NEGARA MERAMPAS HARTA MEREKA YANG MELAKUKAN KESALAHAN BERKAITAN DADAH.

BRITAIN BARU-BARU INI MELULUSKAN SATU UNDANG-UNDANG YANG MEMBERI KUASA KEPADA KERAJAAN MERAMPAS HARTA MEREKA YANG DIDAPATI BERSALAH MENGEDAR DADAH.

PUAN THATCHER JUGA BERJANJI BAHAWA BRITAIN AKAN TERUS MEMBERIKAN BANTUAN TEKNIKAL DAN PEMBANGUNAN KEPADA MALAYSIA. INI MELIPUTI PERBELANJAAN MENJALANKAN KAJIAN-KAJIAN KEMUNGKINAN DAN PROJEK-PROJEK YANG BERKAITAN. --- LAGI
1406MST 28 05 89

D698

U 8881 AAB
MAHATHIR - PERANAN 5 LONDON

MALAYSIA KINI BOLEH MENGHARAPKAN KERJASAMA EKONOMI YANG LEBIH RAPAT DENGAN AMERIKA SYARIKAT BERIKUTAN SATU PERSETUJUAN UNTUK MENUBUHKAN SATU BADAN BERSAMA DI KALANGAN AHLI-AHLI PERNIAGAAN KEDUA-DUA NEGARA.

KEPUTUSAN ITU DICAPAI DALAM PERTEMUAN ANTARA PARA USAHAWAN TERKEMUKA AMERIKA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR DI NEW YORK DAN INI MENCERMINKAN BERTAMBAHNYA KEYAKINAN MEREKA TERHADAP KESTABILAN MALAYSIA.

AMERIKA SYARIKAT SEBAGAI PELABUR KETIGA TERBESAR DI MALAYSIA MEMPUYAI MODAL BESAR DALAM INDUSTRI-INDUSTRI MALAYSIA TETAPI TUMPUANNYA HANYA KEPADA SEKTOR PETROLEUM DAN ELEKTRONIK SAHAJA.

MALAYSIA INGIN MELIHAT LEBIH BANYAK PELABURAN AMERIKA SYARIKAT DALAM SEKTOR LAIN, TERUTAMA SEKALI SEKTOR PEMBUATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM PERBINCANGANNYA DENGAN PRESIDEN BUSH MENARIK PERHATIAN PEMIMPIN AMERIKA ITU TERHADAP LAYANAN TIDAK ADIL OLEH SEBUAH AGENSI PERSEKUTUAN NEGARA TERSEBUT TERHADAP MALAYSIA. -- LAGI

1529MST 28 05 89

D699

U 8882 AAB
MAHATHIR - PERANAN 6 LONDON

BELIAU MERUJUK KEPADA LANGKAH SURUHANJAYA PERDAGANGAN PERSEKUTUAN AMERIKA SYARIKAT (FTC) YANG MEMPERSOALKAN KANDUNGAN POSTER-POSTER MALAYSIA UNTUK MENJAWAB KEMPEN MEMBURUK-BURUKAN MINYAK SAWIT NEGARA DENGAN MENGATAKAN BAHAWA PANDANGAN YANG DIBERIKAN ITU TIDAK BERAASKAN PENYELIDIKAN YANG SAH.

BAGAIMANAPUN, FTC TIDAK PULA MEMPERSOALKAN RISALAH DAN POSTER YANG DITERBITKAN OLEH PERSATUAN PENGELUAR KACANG SOYA AMERIKA DENGAN DAKWAAN KONONNYA MINYAK SAWIT +MENGANDUNGI RACUN DAN BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN.

SETELAH DIARAHKAN OLEH PRESIDEN BUSH, MAJLIS KESELAMATAN NEGARA KINI MENYIASAT PERKARA ITU UNTUK TINDAKAN SELANJUATNYA. -- BERNAMA
1531MST 28 05 89